

07/01/1999

Kenyataan Peguam Negara dipersoal

Nazri Mohd

KUALA LUMPUR, Rabu - Parti politik kerajaan, pembangkang, Majlis Peguam dan individu hari ini mempersoalkan kenyataan Peguam Negara berhubung siasatan terhadap kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika dalam tahanan polis.

Sehubungan itu, mereka menggesa kerajaan menubuhkan satu badan bebas untuk menjalankan siasatan menyeluruh dan adil demi mencari kebenaran dan membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

Setiausaha Agung Gerakan, Dr Tan Chee Kwong, berkata pihaknya tidak dapat menerima kenyataan Tan Sri Mohtar Abdullah semalam bahawa siasatan Pasukan Penyiasat Khas masih belum mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab atas kecederaan Anwar.

Katanya, Mohtar juga tidak menjelaskan bagaimana Anwar mendapat kecederaan semasa dalam tahanan polis.

Dr Tan berkata demikian ketika mengulas kenyataan Mohtar mengenai arahan supaya siasatan sepenuhnya terhadap kes kecederaan Anwar berikutan siasatan Pasukan Penyiasat Khas masih belum lengkap.

Mohtar berpendapat bahawa polis bertanggungjawab menyebabkan beberapa kecederaan Anwar semasa dalam tahanan.

Beliau mengarahkan pasukan khas itu merakam pernyataan sembilan pegawai tinggi polis termasuk Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Rahim Noor dan Timbalannya, Tan Sri Norian Mai.

Mohtar juga mengarahkan Pasukan Penyiasat Khas itu merakam pernyataan panel doktor yang didapati membuat laporan bercanggah dalam beberapa aspek penting.

"Gerakan benar-benar tidak dapat menerimanya. Kenyataan Mohtar itu amat mengecewakan dan suatu kejutan besar," katanya.

Katanya, Gerakan mencadangkan satu pasukan penyiasat yang diketuai hakim mahkamah tinggi yang sudah bersara ditubuhkan.

Menurutnya, Gerakan berharap siasatan itu akan diselesaikan secepat mungkin bagi memulihkan keyakinan masyarakat terhadap polis yang dianggap jatuh ke tahap begitu rendah apabila Anwar muncul di mahkamah dengan mata lebam.

Isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail menyifatkan kenyataan Peguam Negara mengenai kecederaan suaminya adalah mengecewakan kerana selepas hampir empat bulan berlalu kes itu masih belum disiasat dengan serius.

Dr Wan Azizah yang membacakan kenyataan bersama beliau dan Anwar kepada wartawan di luar bangunan Mahkamah Tinggi selepas mengikuti perbicaraan suaminya petang tadi, menggesa Peguam Negara mengambil langkah lebih bersungguh-sungguh dalam memastikan:

- * Mereka yang bertanggungjawab secara langsung dalam kes serangan terhadap Anwar termasuk KPN perlu mempertahankan kedaulatan undang-undang dan mendedahkan kebenaran, dan;

- * (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad sebagai Menteri Dalam Negeri yang mengikuti perkembangan secara dekat kejadian 20 September 1998, perlu mengakui serangan itu dan bertanggungjawab.

"Tambahan pula Rahim yang bertanggungjawab (dalam kemampuannya sebagai KPN) terhadap malam kejadian langsung tidak disoal siasat," katanya.

Majlis Peguam melahirkan kekesalannya terhadap siasatan polis yang masih belum lengkap itu.

Presidennya, Datuk Dr Cyrus Das dalam kenyataannya berkata, pihaknya

memandang berat keputusan atau kesimpulan mengenai kecederaan yang dialami Anwar seperti yang dinyatakan oleh Mohtar.

"Majlis Peguam juga menggesa Peguam Negara menubuhkan satu pasukan penyiasat khas untuk mempercepatkan tugasannya dan mendakwa mereka yang dikenal pasti menyebabkan kecederaan atau turut terbabit dalam kejadian itu," katanya.

Tiga bekas pemimpin DAP yang dipecat daripada jawatannya oleh parti itu tahun lalu, turut menggesa Kementerian Dalam Negeri menubuhkan panel bebas bagi menyiasat kesalahan keganasan polis terhadap Anwar.

Ketiga-tiganya, bekas Naib Pengerusi DAP, Liew Ah Kim; bekas Bendahari Kebangsaan, Fung Ket Wing dan bekas Setiausaha Publisiti Kebangsaan, Wee Choo Keong dalam kenyataannya berkata, panel itu boleh diketuai oleh bekas hakim.

"Kami dapati adalah sukar untuk memahami bagaimana Asisten Komisioner Mat Zain Ibrahim (Ketua Pasukan Penyiasat Khas) boleh mengemukakan kertas siasatan kepada Peguam Negara tanpa menemui individu atau kumpulan bertanggungjawab menyebabkan kecederaan itu.

"Seseorang yang bertanggungjawab dalam siasatan sedemikian, tujuan utamanya adalah untuk mencari bukti individu atau kumpulan yang melakukan jenayah terbabit," katanya.

Katanya, pendedahan Mohtar mengenai beberapa kecederaan Anwar dilakukan polis menguatkan keperluan terhadap panel bebas menyiasat kes itu.

"Di bawah prinsip ketelusan dan keadilan sejagat, tidak sepatutnya pegawai polis terbabit dalam siasatan itu. Jika tidak, akan berlaku penyiasatan yang tidak adil dan tindakan menutup kebenaran," katanya.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang menjelaskan kenyataan Peguam Negara sebagai "lama tertangguh tetapi penuh skandal,"

Katanya, siasatan itu penuh skandal kerana ia masih tidak mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab terhadap kecederaan itu.

"Berlaku jenayah yang amat besar tanpa ada penjenayahnya di kalangan golongan atasan di Bukit Aman yang mana tiada sesiapa boleh mendekatinya sedangkan golongan itu memiliki pelepasan keselamatan sensitif paling tinggi," katanya.

Katanya, perkara itu dianggap sebagai skandal sejak awal lagi berikutan siasatan pasukan khas itu mengambil masa sebulan sahaja sedangkan Peguam Negara mengambil masa lebih enam minggu untuk mengumumkan siasatan polis tidak lengkap.

Lim mempersoalkan mengapa Mohtar yang menerima laporan penyiasatan itu pada 19 November lalu dan menunggu hingga enam minggu untuk mengarahkan Pasukan Penyiasat Khas merakam pernyataan sembilan pegawai tinggi polis di Bukit Aman.

"Soalan pertama yang menerpa fikiran saya ialah mengapa tidak ada kenyataan diambil daripada Rahim sejak awal lagi sedangkan dia bertanggungjawab sepenuhnya, bukan sahaja apa yang berlaku dalam pasukan polis, juga di kalangan pegawai atasan di Bukit Aman.

"Sekurang-kurangnya, kenyataan Mohtar menunjukkan pegawai atasan polis terbabit dalam kes kecederaan Anwar, sama ada dengan sengaja menyembunyikan kenyataan atau mendapat arahan.

"Adakah Peguam Negara bersedia untuk mendakwa pegawai atasan polis," tanya beliau.

Presiden Parti Rakyat Malaysia, Syed Husin Ali menggesa kerajaan mendedahkan laporan kecederaan Anwar.

"Sudah tentu kami tidak pernah berpuas hati dengan siasatan yang dirancang dan diada-adakan itu dan menuntut badan yang benar-benar bebas menyiasat sepenuhnya kejadian berkenaan.

"Kami ulangi gesaan kami supaya ditubuhkan badan penyiasat bebas itu," katanya.

(END)